

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YBHG. PROFESOR DATIN DR. SUZANA SULAIMAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA) /  
MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSOLOR UiTM**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM MASYARAKAT SIHAT  
DAN  
PELANCARAN SISTEM APLIKASI MaSiH  
SERTA  
SAMBUTAN HARI JANTUNG SEDUNIA**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2023  
MASA : 10.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI  
TEMPAT : AUDITORIUM 2, HOSPITAL  
AL-SULTAN ABDULLAH**

**(SALUTASI -KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN)**

**1. YANG BERTHORMAT PUAN JAMALIAH BINTI  
JAMALUDDIN**

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar  
Kerajaan Negeri Selangor

**2. YANG BERTHORMAT DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN  
AHMAD**

Ahli Parlimen Kuala Selangor

**3. YANG BERBAHAGIA PROF. EMERITUS DATUK DR.  
RADUAN CHE ROSE**

Pengeusi Lembaga Pengarah Universiti

**4. YANG BERBAHAGIA PROF DR SAZZLI SHAHLAN  
KASSIM**

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

**5. YANG BERBAHAGIA .....**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini sempena **Majlis Perasmian Program Masyarakat Sihat (MaSiH) dan Pelancaran Sistem Aplikasi MaSiH** serta **Sambutan Hari Jantung Sedunia 2023**.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Universiti Teknologi MARA, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berhormat Puan Jamaliah binti Jamaluddin, Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor** kerana meluang masa bagi memeriah dan menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.

3. Pada kesempatan ini juga, saya turut mengalu-alukan kehadiran rakan strategik UiTM iaitu Pfizer Sdn. Bhd dan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Kuala Selangor serta agensi yang terlibat kerana bertungkus-lumus menganjurkan program Masyarakat Sihat (MaSiH).

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Program Masyarakat Sihat ini merupakan inisiatif yang memberi fokus perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar yang kurang bernasib baik dan menghadapi kekangan dari segi kebolehcapaian dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan. Usaha ini sememangnya selaras dengan Teras Kesihatan yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu *Universal Health Coverage*.

5. Dalam usaha menyokong aspirasi kerajaan untuk membentuk Malaysia Madani, khususnya dalam aspek pendidikan, kemasyarakatan dan luar bandar, penganjuran program MaSiH ini amat bertepatan kerana ia berkonsepkan saringan kesihatan, promosi dan pendidikan kesihatan, kaunseling kesihatan, vaksinasi masyarakat dan aktiviti sukarelawan.

6. Sukacitanya say memaklumkan bahawa, program Masyarakat Sihat ini akan dilaksanakan sebanyak 12 siri iaitu tertumpu di Kuala Selangor. Siri pertama telah berlangsung pada 7 Oktober 2023 yang lepas di Dewan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada komuniti setempat.

7. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Hospital Al-Sultan Abdullah kerana dengan sinergi yang ditunjukkan bersama-sama Fakulti Perubatan menerusi Jabatan Perubatan Kesihatan Awam telah berjaya mengambil inisiatif untuk berkolaborasi dengan pihak industri dan pemimpin tempatan dalam usaha mencapai matlamat yang sama; memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada masyarakat.

8. MaSih merupakan satu program yang akan dijalankan secara berterusan; bukan sekerat jalan; dan diharapkan dapat menjadi satu program yang berkekalan dan berkembang dengan adanya 11 siri pada masa akan datang dan akan dijalankan di seluruh DUN/daerah Kuala Selangor. Saya yakin program ini akan berjalan lancar dengan adanya kerjasama daripada semua pihak.

**Hadirin sekalian,**

9. Pada pagi ini, kita juga bersama-sama untuk meraikan sambutan Hari Jantung Sedunia yang disambut pada 29 September setiap tahun. Penting untuk kita semua sama-sama meraikan sambutan ini bagi meningkatkan kesedaran tentang penyakit jantung dan mempromosikan cara hidup sihat untuk jantung yang baik di seluruh dunia. Saya mengharapkan kita semua dapat bersama-sama mengamalkan cara hidup sihat

agar kita dapat menggembeleng tenaga meningkatkan produktiviti untuk kemajuan negara, bangsa dan agama.

10. Saya mengharapkan program kita pada pagi ini dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan dapat akan mencetuskan perubahan positif dalam kehidupan komuniti kita.

11. Saya juga yakin, semua warga UiTM, HASA dan Fakulti Perubatan akan terus menjadi sebahagian penjana yang penting dalam perjalanan program masyarakat sihat, memberikan sokongan, kepakaran, dan semangat untuk mencapai tujuan dan hasrat mulia ini, seterusnya memastikan masyarakat yang sihat dan sejahtera sebagai pemangkin usaha negara mencapai status negara maju. Marilah sama-sama menjadikan komuniti kita tidak hanya lebih sihat, tetapi lebih gembira dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik. Terima kasih atas perhatian saudara-saudari semua, dan saya berharap dapat melihat program MaSiH berkembang dengan adanya sokongan daripada anda semua.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengalu-alukan kehadiran semua pihak dalam majlis ini. Terima kasih kerana sentiasa memberi kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada UiTM.

**13.** Saya akhiri ucapan saya dengan, Wabillahi taufiq wal hidayah, Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.